

## VARIASI METODOLOGI ILMU TARANNUM : SUATU PERBINCANGAN KRITIS

## METHODOLOGICAL VARIATIONS IN TARANNUM SCIENCE : A CRITICAL DISCUSSION

**Muhammad Lukman b. Ibrahim**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

71800 Nilai Negeri Sembilan

Email : zihin@yahoo.com

**Anuar b.Hasin**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

71800 Nilai Negeri Sembilan

Email : anuarhasin@usim.edu.my

**Zainora b. Daud**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

71800 Nilai Negeri Sembilan

Email : zainora@usim.edu.my

**Mohd Azhar Abdullah**

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

15730 Nilam Puri, Kelantan

Email : dr.har68@gmail.com

### ABSTRAK

*Al-Quran* adalah merupakan mukjizat tertinggi Nabi Muhammad saw. Setiap kalimah bahkan huruf adalah terkait dengan pahala yang diimani oleh seorang muslim seperti dalam perbahasan pelbagai hadith. Justeru, membaca, memahami dan beramal dengannya adalah termasuk dalam ibadat yang amat dituntut dalam agama Islam. Bacaan secara tarannum dan memperindahkan seni suara terhadapnya adalah tidak terkeluar dari kontek ini. Ia akan menyerlahkan lagi sinar mukjizat tersebut kepada umat. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan berkenaan beberapa *metodologi ilmu tarannum* yang seharusnya diikuti setiap qari *al-Quran*. Ini kerana tanpanya, akan merencatkan kaedah persembahan bacaan yang betul. Bahkan metod-metod ini mesti dipelbagaikan tanpa lari dari kaedah yang dipaksikan kepada batas-batas tilawah yang dianjurkan para Qurra.

**Kata kunci:** al-Quran, Tarannum, Metodologi, Tilawah.

## ABSTRACT

The *Quran* is the highest miracle of the Prophet Muhammad saw. Every sentence and even a letter is related to the reward believed by a Muslim as in the debate of various hadiths. Thus, reading, understanding and doing good deeds with it are included in the worship that is highly demanded in Islam. Reading in *tarannum* and embellishing the art of voice against it is not out of this context. It will further highlight the light of the miracle to the ummah. This article aims to discuss some of the *methodologies* of tarannum knowledge that should be followed by every reciter of the Qu'an. This is because without it, it will hamper the proper method of reading presentation. Even these methods must be diversified without running away from the methods that are imposed on the limits of recitation advocated by the *Qurra*.

**Keywords :** Al-Quran, tarannum, methodology, tilawah

## 1. PENDAHULUAN

Ilmu tarannum Al-Quran adalah suatu cabang ilmu yang wujud sejak zaman penurunan wahyu lagi. Hakikat ini terbukti dengan beberapa hadith yang sahih yang mengetengahkan perkara ini.

Antaranya ialah anjuran Rasulullah SAW,

مَا أَذِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَا أَذِنَ لِلنَّبِيِّ أَنْ يَتَغَنَّ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya : Allah SWT tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah SWT menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan lagu (*tarannum*) Al-Qurannya.<sup>1</sup>

Hadith di atas adalah jelas menyuruh supaya umat Islam membaca Al-Quran dengan tarannum yang sesuai. Ini kerana pembacaan Al-Quran dengan tarannum yang elok akan menyerikan lagi keelokan Al-Quran itu sendiri, sedangkan pembacaan Al-Quran dengan cara yang buruk akan merosakkan keelokan Al-Quran itu sendiri. Justeru, hubungan diantara kedua-duanya amat jelas.

## 2. SEJARAH ILMU TARANNUM

Pada asasnya ilmu tarannum telah bertapak sebelum dari kemunculan Islam lagi. Dalam erti kata lain, manusia sudah mempunyai irama dan lagu sejak sebelum kelahiran Rasulullah saw. Ini adalah disebabkan oleh fitrah asal penciptaan manusia yang menyukai bunyi-bunyian yang baik, membangkitkan jiwa dan semangat serta merehatkan minda<sup>2</sup>

<sup>1</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (1345). *Sahih al-Bukhari*. Misr : Mustafa al-Babiy al-Halabiy, 346.

<sup>2</sup> Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992). *Pengajian Al-Quran Berlagu Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*. (Kertas Projek Ukm), 32.

Begitu pula, setiap bangsa mempunyai alatan muzik yang berbeza dan pelbagai ragam. Sebagai contoh, masyarakat melayu mempunyai gendang, cina mempunyai kecapi dan Arab mempunyai seruling.

Sabda Rasulullah SAW,

رَوْحًا لِلْقُلُوبِ سَاعَةً فَسَاعَةً

*Maksudnya : Rehatkanlah hati kamu seketika kemudian pada ketika yang lain pula.<sup>3</sup>*

Adalah diketahui asyarakat Arab adalah bangsa yang amat meminati bunyi-bunyian yang merdu. Mereka menamakannya sebagai maqamat, tarannum, taganni dan lain-lain. Etnik mereka digambarkan, kanak-kanak bermain sambil menyanyi, peniaga menyanyi sambil menjual barang mereka bahkan wanita yang berkabung juga mempunyai lagu kesedihan kerana kematian orang yang dikasih.<sup>4</sup>

Ibn al-A'rabī<sup>5</sup> berkata : masyarakat Arab suka menyanyi dan bertarannum sama ada ketika (bermusafir) sambil menunggang unta atau ketika bersantai di halaman-halaman rumah mereka. Begitulah tabiat hidup seharian mereka. Apabila Al-Quran diturunkan Rasulullah y amat menyukai agar tabiat mereka itu beralih kepada Al-Quran sebagai tempat bertarannum.<sup>6</sup>

Minat dan hobi mereka ini bukanlah baru bahkan Ibn 'Abbas menyatakan bahawa Nabi Dawud AS yang terkenal dengan mukjizat suara yang merdu telah membaca kitab zabur dengan 70 tarannum. Ibn Abbas meriwayatkan,

أَنَّ دَاوُدَ كَانَ يَقْرَأُ الزَّبُورَ بِسَعْيَنَ لَهَا

*Maksudnya : Bahawa nabi Dawud AS membaca kitab Zabur dengan 70 tarannum tarannum.<sup>7</sup>*

Baginda SAW digambarkan akan terus bertarannum kemudian menangis, lalu membaca kembali dan menangis lagi untuk kesekian kalinya. Ini diikuti pula oleh haiwan-haiwan di daratan dan dilaut yang diam memberi perhatian serta menangis bersama Baginda SAW.<sup>8</sup>

<sup>3</sup> Munawiy, Abd al-Rauf bin Taj al-'Arifin, al. (1356). *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*. Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, 53. Hadith ini mursal. Abduh, Muhammad (1980). *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*. Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf, 368.

<sup>4</sup> al-Sa'id Labib (1970). *al-Taghanniy bi al-Quran*. al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi ' wa al-Nasyr, 5.

<sup>5</sup> Beliau ialah Abu 'Abdullah Muhammad bin Ziyad bin al-A'rabī al-Hasyimi (150-231H). Digelar dengan imam dalam ilmu bahasa Arab.

<sup>6</sup> al-'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar, al (1414). *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut : Dar al-Fikr, 69. Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad (1963). *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*. al-Qahirah:Maktabah Islamiyyah, 391. al-Zamakhshari, Mahmud Bin 'Umar, al, (1979). *al-Fa'iqa fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*. Qahirah : Dar al-fikr, 36. Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim , al (1968). *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*. al-Madinah : Maktabah al-Salafi, 240.

<sup>7</sup> al-'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar (1414), *op.cit*, 71.

<sup>8</sup> Ibid.

Di zaman Rasulullah SAW terdapat beberapa orang sahabat qari yang terkenal kerana mempunyai bacaan (dengan tarannum) yang baik dan suara yang merdu sehingga mendapat pujian dari Baginda SAW sendiri. Mereka adalah Abu Musa al-Asy'ari, Ibn Mas'ud, Ubay bin Ka'b, Mu'adh bin Jabal, Salim mawla Abi Huzayfah, Usayd bin Hudayr<sup>9</sup>

### 3. DEFINISI TARANNUM

#### Sudut Bahasa

Tarannum (الترنُّم) dari sudut bahasa, berasal dari perkataan (ترنُّم) yang bererti menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.<sup>10</sup> Perkataan ini juga digunakan sama ada untuk haiwan<sup>11</sup> dan jamadat<sup>12</sup>. Dengan itu, setiap perkara yang menghasilkan bunyi atau suara yang menarik untuk didengar adalah dipanggil nyanyian (tarannum).<sup>13</sup>

Perkataan taranum juga adalah bahasa Arab adalah kata terbitan daripada kata dasar (ترنُّم) yang bermaksud berdendang, menyanyi dan memperelokkan suara terhadap sesuatu. Selain memakai perkataan taranum untuk mengibaratkan kelakuan menyanyi dan memperelokkan suara, ia juga memakai antara lain perkataan al-lahn, al-ghinā', tarjī' al-ṣawt, al-taṭrīb, taḥsīn al-ṣawt, taḥsīn al-qirā'ah, al-jahr bi al-Qur'ān, al-qirā'ah al-mujawwadah, al-tagħanni dan al-nagħamat.<sup>14</sup>

#### Sudut istilah

*Tarannum bi al-Quran* ialah suatu ilmu atau kaedah yang membicarakan tentang kepelbagaian bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu bertujuan untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan Al-Quran.<sup>15</sup>

Khalid Isa memberi rumusan dari susut istilah, ia membawa maksud ilmu atau kaedah suara yang dibunyikan menerusi nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan kelunakan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya bacaan al-Quran.<sup>16</sup>

<sup>9</sup> Kesemua mereka diberi pujian oleh Rasulullah y dan diriwayatkan di dalam *sahih* al-Bukhari dan Muslim.

<sup>10</sup> Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqiy al-Misri (1405). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir, 256

<sup>11</sup> Sebagai contoh, seekor merpati yang menyanyi.

<sup>12</sup> benda-benda bukan hidup dan berjisim seperti sebuah gembus (gitar) yang menyanyi. Sila lihat Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad (1963). *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*. al-Qahirah:Maktabah Islamiyyah, 271.

<sup>13</sup> Ibn Manzur (1405), *op.cit*, 257.

<sup>14</sup> Khalid Isa (2016). *Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Ilmu Taranum al-Quran*. Universiti Malaya, Jurnal basirah, 31.

<sup>15</sup> Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998m). *Qawa'id al-Taranum*. Kuala Lumpur : Darul Fikr, 112.

<sup>16</sup> Khalid Isa (2016), *op.cit*, 31.

#### 4. METODOLOGI TARANNUM

Metodologi tarannum ialah kaedah-kaedah yang perlu dikuasai oleh seorang qari untuk mempersempahkan sesuatu tarannum. Kaedah-kaedah ini amat perlu dikuasai untuk mempastikan tarannum tersebut adalah tepat dan ia disebut sebagai metodologi. Kaedah-kaedah ini bertujuan untuk membezakan antara tarannum Al-Quran dengan tarannum-tarannum yang lain. Dalam erti kata yang lain, tarannum Al-Quran mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang boleh dikenali dengan istilah-istilahnya yang tertentu. Justeru ia berbeza dengan tarannum-tarannum yang lain seperti qasidah<sup>17</sup>, barzanji<sup>18</sup> dan sebagainya. Tanpa ciri-ciri ini ia tidak dapat dinamakan tarannum Al-Quran.

##### 4.1 Harakat

Harakat ialah gaya alunan sesuatu tarannum yang tersusun daripada beberapa qit'ah<sup>19</sup> dengan mahattah<sup>20</sup> yang tertentu.

Ia bermaksud sesuatu ayat yang dibaca akan diiringi dengan suatu gaya tarannum tertentu yang disebut sebagai harakat

###### 4.4.1 Perbezaan Di Antara Harakat Tajwid Dan Tarannum

Ada dua jenis harakat yang perlu dititik berat oleh para qari. Kedua-duanya mempunyai hubungkait yang sangat kuat dalam tilawah alQuran. Sekiranya seorang qari dapat menjaganya dengan baik, ia akan menghasilkan perbezaan besar dalam persempahan bacaan. Ini juga menjadi suatu penanda aras kepada seorang qari. Ia dinamakan harakat tajwid dan harakat tarannum

###### a) Harakat Tajwid

iaitu kadar panjang dan pendek suatu huruf atau kalimah yang dibaca, sama ada panjangnya 1, 2, 3, 4, 5, atau 6 harakat. Kadar ini berbeza di antara satu mad dengan satu mad yang lain seperti mad tabi'i panjangnya 2 harakat dan mad lazim 6 harakat.

Ukuran panjang adalah mengikut gerak jari atau gerakan sesuatu bacaan tersebut. Satu gerak jari adalah dikira satu harakat, manakala dua harakat adalah dikira satu alif. Begitulah seterusnya.

	Harakat	Istilah
1	Satu	
2	Dua	Qasr
3	Empat	Tawassut
4	Enam	Mad <sup>21</sup>

<sup>17</sup> Qasidah ialah rangkap-rangkap syair puji-pujian terhadap Rasul y atau seseorang yang mulia yang ditarannumkan mengikut tarannum tertentu.

<sup>18</sup> Barzanji adalah sebuah kitab yang dikarang Syaykh Jaafar al-Barzanji berkenaan sirah Rasulullah y. Ia biasa ditarannumkan semasa upacara sambutan mawlid al-Rasul.

<sup>19</sup> Diterangkan di dalam topik qit'ah.

<sup>20</sup> Diterangkan di dalam topik mahattah.

### b) Harakat Tarannum

ialitu harakat alunan tarannum yang terdiri dari beberapa qit'ah dengan mahattahnya yang tertentu. Untuk menyusun suatu tarannum yang khusus, ia memerlukan sekurangnya 4 harakat yang sempurna. Jika seorang qari dapat melakukan melebihi 4 harakat maka ia dikira bonus yang melengkapi tarannum tersebut.<sup>22</sup>

Tiap-tiap harakat mempunyai peranannya yang khusus. Adalah sangat dituntut kepada setiap qari agar mendalami dan memahami setiap peranan harakat bertujuan untuk menyusun dan menggabungjalin antara harakat yang baik. Ia bertujuan untuk menyusun dan menyesuaikan antara satu harakat dengan satu harakat yang lain dengan lebih rapi, tersusun dan sempurna lagi. Ini kerana berasaskan adunan dan campuran harakat ini maka lahirlah rangsangan beberapa harakat yang lain dengan gaya tarannum yang tertentu.

Ini bermaksud seorang qari perlu memahami dan menguasai dengan mahir terhadap sesuatu tarannum. Tanpa pemahaman seperti ini, ia pasti mencampur adukkan antara beberapa harakat tarannum tanpa kaedah yang betul. Cara bacaan yang sebegini adalah terkeluar dari kaedah tarannum yang dikehendaki.

Harakat mesti disusun mengikut keutamaan seperti berikut :

- 1) harakat I – ia perlu disusun bersesuaian dengan harakat tarannum pada harakat yang terakhir pada tarannum sebelumnya, sama ada kaedah, wazan dan tabaqahnya.
- 2) harakat II – ianya adalah harakat yang merangsang kepada harakat yang mengikutinya.
- 3) harakat III – ianya merupakan harakat tinggi (harakat jawab) kepada kepada suatu tarannum.
- 4) harakat IV – ianya merupakan harakat tertinggi (harakat jawabul jawab) kepada suatu tarannum.
- 5) harakat V – ianya adalah harakat yang mula menurun setelah melakukan harakat tinggi.
- 6) harakat VI – merupakan harakat terakhir atau penutup sesuatu tarannum.<sup>23</sup>

Pada kebiasaannya tarannum Bayyati pembukaan tidak perlu diakhiri dengan harakat penutup. Ini kerana seorang qari akan berpindah kepada tarannum seterusnya seperti hijaz, saba dan seumpamanya.

Walau bagaimana pun, setiap tarannum hendaklah diakhiri dengan tarannum yang sama kecuali seorang qari melakukan kaedah perpindahan tarannum yang

<sup>21</sup> Abdullah al-Qari hij Saleh (1984). *Kursus Qari dan Qariah*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press, 88.

<sup>22</sup> Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992). *Pengajian Al-Quran Berlagu Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*, (Kertas Projek Ukm), 41.

<sup>23</sup> Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998), *op.cit*, 126.

dipanggil wuslah al-mumathalah. Ini bertujuan untuk menambah kesenian dalam bacaan.

Penamat suatu tarannum pada kebiasaannya diakhiri dengan tarannum Bayyati. Namun ia hanya adat kebiasaan para qari. Boleh sahaja seorang mengakhiri bacaan dengan mana-mana tarannum. Di dalam majlis tilawah AlQuran Malaysia ada mensyaratkan tarannum penutup hendaklah sama dengan tarannum permulaan.

#### 4.2 Tabaqah

Tabaqah ialah tahap atau tingkatan suara semasa suatu tarannum dialunkan oleh seorang qari.<sup>24</sup>

Suara seseorang mempunyai beberapa tabaqah atau tingkatan iaitu :

- 1) Tingkatan suara yang paling rendah. Ia biasa dinamakan suara rongga dada kerana pengaruh suara ini kelihatan sangat jelas pada tahap tersebut. Tahap ini dinamakan *qarar*.<sup>25</sup>
- 2) Tingkatan suara pertengahan serta lebih tinggi dari *qarar*. Ia keluar dari sebelah atas dada sehingga ke leher. Tahap suara ini *nawwah*.<sup>26</sup>
- 3) Tingkatan suara yang tinggi. Kedudukannya ialah dari rongga leher hingga rongga hidung dan dinamakan *jawab*.<sup>27</sup>
- 4) Tingkatan suara tertinggi iaitu suara yang keluar dari rongga hidung sehingga rongga kepala iaitu dinamakan tahap *jawab al-jawab*.
- 5) Tingkatan suara ini yang mula merendah dinamakan dengan *nuzul*.
- 6) Tingkatan suara rendah iaitu *qarar* sebagai penyudah suatu persembahan atau tarannum.

Pembelajaran mengenai tabaqah amat mempengaruhi kemampuan seorang qari bertarannum. Tabaqah yang betul akan memberi peningkatan persembahan dan tenaga kepada bacaan tilawah. Sekiranya tidak demikian, bacaan akan kelihatan hambar dan tidak bermaya.

#### 4.3 Mahattah

Mahattah ialah gaya penghujung (perhentian) suatu harakat atau tarannum. Ini bererti seorang qari ingin menamatkan satu-satu bacaan hendaklah memilih mana-mana mahattah yang sesuai dengan harakat ataupun suatu tarannum yang dibaca.<sup>28</sup>

<sup>24</sup> Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992), *op.cit*, 44.

<sup>25</sup> Suara asas yang rendah.

<sup>26</sup> Nawwah adalah dari bahasa Arab (نَوْءَةً) yang bermaksud naik atau meninggi. Menurut Tuan Haji ustaz Nik Jaafar, ia juga dikatakan dari perkataan Nawah (نَوْاهٍ) yang bermaksud biji tamar. Ia digunakan demikian kerana dalam bentuk kiasan iaitu dari biji tamar akan berkembang biak menjadi pokok tamar yang besar. Begitu juga halnya dengan tabaqah nawwah yang merupakan pemangkin kepada harakat seterusnya.

<sup>27</sup> Jawab ialah istilah yang merujuk kepada suara tahap ketiga. Ia di sebut suara tahap tinggi. Ia dikatakan demikian kerana dalam ilmu tarannum jawaban kepada suatu tahap suara sepatutnya lebih tinggi dari tahap yang sebelumnya.

<sup>28</sup> Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992), *op.cit*, 45.

Mahattah mempunyai peranan penting dalam bacaan. Sekiranya mahattah yang dibuat tidak serasi dengan sesuatu harakat, maka ia akan mencacatkan harakat-harakat seterusnya.<sup>29</sup>

Setiap qari mempunyai perbezaan dalam menyempurnakan mahattah ini. Ia berkaitan dengan kepakaran dan kemahiran setiap qari. Dengan kata lain, mahattah setiap akan membezakan kemampuan antara setiap qari.

#### 4.4 Qit‘ah

Qit‘ah ialah gaya rentak tarannum yang paling pendek tanpa mahattah yang tertentu.<sup>30</sup>

Setiap tarannum yang dipersembahkan akan terdiri dari harakat dan qit‘ah. Qit‘ah adalah potongan-potongan pendek gerakan suatu tarannum yang dibawa. Ini dapat diketahui oleh seorang yang mempelajari dan mahir dalam tarannum. Qit‘ah biasa digunakan untuk ayat-ayat yang pendek. Namun qit‘ah tetap juga dapat dilakukan kepada ayat-ayat yang panjang bergantung kepada penguasaan seorang qari.

Ada dua jenis qit‘ah :<sup>31</sup>

- 1) qit‘ah yang di *waqf* mengikut kalimah atau ayat.
- 2) qit‘ah yang dilaksanakan dengan menyambung beberapa kalimah atau ayat sehingga kepada mahattah yang sempurna.

Qit‘ah berperanan penting untuk menghidupkan sesuatu persembahan tarannum. Misalnya ketika ayat berbentuk persoalan maka qit‘ah akan menggambarkan persoalan tersebut walaupun dalam gerakan tarannum. Ini bererti suara harus diangkat atau ditinggikan sedikit sesuai dengan tuntutan tersebut.

Namun, oleh kerana tarannum itu seni, bagaimana cara membentuk gaya persoalan seperti itu mesti dipelajari dari kalangan qari berkemahiran.

#### 4.5 Burdah<sup>32</sup>

Burdah ialah bunga-bunga atau getaran suara yang bersesuaian dan menarik ketika mengalunkan bacaan tarannum.<sup>33</sup> Ianya terbahagi kepada 2 jenis :

<sup>29</sup> Hj Hasan Musa, temubual 26 ogos 2008.

<sup>30</sup> Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998), *op.cit*, 124.

<sup>31</sup> Haji Nordin Idris, temubual pada 27 ogos 2008.

<sup>32</sup> Burdah bermaksud kain gebar yang digunakan untuk menyelimuti tubuh kerana kesejukan. Kemudian ia telah diistilahkan kepada qasidah pujian kepada Rasulullah y. Ia dinamakan demikian kerana Rasulullah y merasa gembira mendengar tarannum qasidah yang sungguh merdu, didendangkan oleh Ka'b bin Zuhayr salah seorang penyair Mukhadram dua zaman jahiliah dan Islam( w 26 hijrah). Lalu Baginda y menghadiahkan burdah yang sedang dipakai Baginda y. Sila lihat Ibn Kathir, Imad Al-Din Ismail Bin Umar (2001). *al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 707. Lihat juga Kahalah, Umar Rida (1414). *Mu'jam Mu'allifin*. Beirut: Mua'sasah al-Risalah, 669.

<sup>33</sup> Hajah Setina Ismail, temubual pada 21 ogos 2008.

1) Burdah asli iaitu getaran suara secara semulajadi.

Burdah ini adalah menjadi kebiasaan kepada para qari. Ia dinamakan burdah asli kerana dimiliki oleh setiap orang. Cuma ia berbeza dari sudut sifat burdah sahaja seperti keras dan lembut, kasar dan halus, keras dan lembut dan banyak atau sedikit. Dari sudut musabaqah AlQuran, ia tidak menjadi perkiraan utama kerana umum beramat dengannya

2) Burdah sina'i iaitu bunga-bunga tarannum yang sengaja disusun dan digubah mengikut kehendak sesuatu tarannum. Burdah inilah yang menjadi perbincangan dalam ilmu tarannum. Ini kerana setiap qari mesti menggunakan kebolehan suara yang ada untuk membentuk burdah yang sesuai dan menarik dalam bacaannya.<sup>34</sup>

Burdah yang baik dan menarik tidak berserti ia perlu diperbanyakkan dan mesti wujud pada setiap harakat. Namun ia adalah bergantung kepada kesesuaian, gaya ayat dan tabaqah yang dibawa.

Sebagai contoh, seorang perempuan suka kepada bungaan kerana ia mencantikkannya. Begitu pula apabila ia memilih pakaian pastinya akan ada latar bungaan. Namun seorang wanita akan memilih bungaan yang sesuai sahaja. Amat janggal sekiranya ia memilih bungaan dari hujung rambut hingga hujung kali hanya kerana cantiknya bungaan tersebut. Boleh jadi sekuntum bunga lebih cantik untuk dilihat berbanding kuntuman yang banyak.<sup>35</sup>

Begitulah juga halnya dengan burdah. Ia berdasarkan kesesuaian tanpa mengira jumlah sedikit atau pun banyak.

#### 4.6 al-Wuslah al-Mumathalah

Wuslah al-mumathalah ialah suatu gaya harakat yang bercampur dari dua air tarannum yang berlainan.<sup>36</sup> Ianya terdapat dalam dua bentuk yang berbeza :

- 1) Suatu harakat yang digabungkan antara dua irama tarannum yang berlainan. Sebagai contoh, seorang qari membaca dengan tarannum hijaz kemudian berpindah kepada tarannum sikah dalam harakat yang sama. Namun pada akhirnya ia kembali kepada tarannum hijaz semula.
- 2) Gabungan atau perpindahan satu tarannum kepada tarannum yang lain dalam satu harakat. Ia terus kekal dalam tarannum tersebut tanpa kembali kepada lagu pertama<sup>37</sup>

Kedua-dua kaedah tersebut mempunyai nilai istimewa dalam ilmu tarannum kerana ia menambah elok suatu harakat tarannum yang dibawa. Bahkan dalam musabaqah Al-Quran, ia diberi kredit tambahan kepada para qari yang mampu melakukannya wuslah al-mumathalah dengan baik. Namun aia tetap memerlukan latihan dan kemahiran yang tinggi.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Tuan haji Nik Jaafar Nik Ismail, temubual pada 3 ogos 2008

<sup>36</sup> Haji Nordin Idris, temubual pada 27 ogos 2008.

<sup>37</sup> Ibid.

Kebiasannya harakat yang dibaca akan akan menjadi beku, kaku dan tumpul, setelah beberapa lama persembahan bacaan dibuat. Jadi antara kaedah menhidupkan bacaan ini ialah dengan wuslah al-mumathalah.

#### 4.7 Ikhtilal al-Lahn

Ikhtilal al-lahn bermaksud suatu bentuk kesumbangan suara ketika melantun bacaan AlQuran secara berterannum. Ia dinamakan demikian kerana jalan suara telah melencong dari nada asal namun dari sudut pendengaran ia masih kelihatan baik dengan beberapa syarat yang perlu dipatuhi. Kesumbangan ini pula adalah disebabkan keperluan tertentu sama ada mengikut irama dan tabaqah sesuatu tarannum. Ia terjadi pada dua keadaan berikut.<sup>38</sup>

- 1) Sumbang suara dalam keadaan terkawal namun di sengajakan. Ini disebabkan oleh keperluan untuk memperelokkan lagi sesuatu harakat. Walaupun ia memadai dengan harakat biasa yang dibawa namun perkembangan dalam ilmu suara dan tarannum masih lagi boleh dikembangkan. Dan kesumbangan seperti ini memang dikehendaki dalam ilmu tarannum.
- 2) Sumbangan suara yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak terkawal. Ia lebih kelihatan tidak sengaja. Pada tahap ini seorang qari akan merasai kesilapannya dan ia seolah-olah tanpa kawalan dan tidak sengaja. Keadaan ini mencacatkan tarannum, tabaqah atau harakat suara seseorang qari.<sup>39</sup>

Pada asasnya, kesumbangan nada suara walau bagaimana sekali pun tetap dikira mencacatkan tarannum dan suara dalam persembahan bacaan AlQuran. Namun sudut pandang ahli tarannum ialah berkenaan sejauh mana kesumbangan itu dikawal dan dilakukan pada tempat yang sesuai.

Timbul persoalan iaitu adakah menjadi keperluan bahkan tuntutan bahawa seorang yang membaca AlQuran perlu melakukan ikhtilal al-lahn sedang keberangkalian yang merosakkan AlQuran juga masih mungkin berlaku.

Dalam hal ini Dato' Haji Nik Jaafar memberi alasan bahawa kesumbang nada dan suara memang berlaku dalam kehidupan kita seharian. Dengan erti bahawa setiap qari akan pasti ada berlaku kesumbangan ini secara tidak sengaja. Dan ia sememangnya tidak baik dan mencacatkan.

Lalu ilmu tarannumlah yang membincangkan hal ini iaitu mengubah dari ketidaksegajaan yang tidak elok itu ditukarkan kepada sumbang nada yang baik melalui panduan dan kaedah ilmu tarannum.

Jadi ilmu tarannum menerima fitrah manusia dan memperbaikinya dengan lebih baik dan ia menambah elok seni bacaan AlQuran.<sup>40</sup>

<sup>38</sup> Hj Hasan Musa, temubual 26 ogos 2008.

<sup>39</sup> Ibid.

<sup>40</sup> Tuan haji Nik jaafar Nik Ismail, temubual pada 3 ogos 2008.

Keadaan ini juga berlaku kepada kaedah wuslah al-mumathalah. Boleh dikatakan perpindahan satu tarannum ke satu tarannum yang lain sentiasa berlaku kepada setiap qari. Namun kebanyakan darinya adalah tidak disengajakan. Dengan itu peranan ilmu tarannum nampak jelas dalam menyusun kaedah wuslah al-mumathalah dengan cara yang betul.

#### 4.8 Sulayfiyyah

Iaitu kaedah berkait tabaqah suara yang tinggi. Pada asasnya, kedudukan suara adalah dinilai dengan 4 tahap iaitu qarar, nawwah, jawab dan jawab al-jawab. Namun ada sebahagian qari yang memang dianugerahkan oleh Allah dengan suara luar biasa dan istimewa iaitu suaranya mampu melepassi suara jawab al-jawab dan ini dipanggil sulayfiyyah.

Ada 2 tuntutan penting kepada suara ini.

- 1) Ia mestilah suara tinggi yang selesa dan mampu dikawal dengan baik. Ini bererti suara yang semata-mata tinggi tidak mempunyai kredit kecuali ianya baik dan dapat memberi alunan yang baik dalam tilawah Al-Quran secara bertarannum.
- 2) Ia perlu dikaitkan dengan makna ayat yang sesuai dengan nada tinggi tersebut. Misalnya ayat “ mereka bertempik di dalam neraka, Ya tuhan kami, keluarkanlah kami dari sini. Kami akan lakukan amalan yang (tidak sempat) kami lakukan di dunia dahulu.”(Surah Fatir ayat 37)

Ayat ini seharusnya dipadankan dengan suara tinggi dan merintih berkenaan penyesalan ahli neraka kerana kederhakaan di atas muka dunia yang menghumban mereka ke dalam api neraka.

#### 4.9 Wazan

Wazan bermaksud timbang suara pada setiap harakat kepada harakat yang lain dan perpindahan tarannum ke satu tarannum yang lain. Apabila seorang qari membaca AlQuran, dia akan memulakan dengan suatu nada suara. Dan setiap perpindahan harakat mesti kekal di atas wazan yang sama dari awal hingga akhir bacaan. Sekiranya tidak demikian ia merosakkan nada dan irama bacaan. Masyarakat awam menyebutnya sebagai sumbang suara bacaan. Ia amat bertentangan dengan fitrah dan tahsin bacaan AlQuran.<sup>41</sup>

### 5. KESIMPULAN

Metodologi tarannum adalah asas yang diperlukan oleh setiap qari untuk tujuan tahsin bacaan Al-Quran. Prinsip-prinsip yang digariskan oleh pakar-pakar dalam bidang tarannum. Adalah suatu kemestian untuk para qari menekuni tentang metodologi dalam ilmu Tarannum AlQuran. Ia adalah kriteria penting dalam bacaan Al-Quran

<sup>41</sup> Muhammad Lukman Ibrahim (2010). *Tarannum al-Qur'an melalui tariq al-Syatibi : kajian terhadap pengamalannya dalam kalangan qari-qari Kelantan ke majlis tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan Malaysia antara tahun 1990-2005*. Tesis Phd Universiti Malaya Kuala Lumpur, 210.

secara bertarannum. Tanpa kaedah dan metodologi ini, bacaan tarannum boleh tersasar dan menghampiri lagu-lagu yang tidak diharuskan terhadap AlQuran.

## REFERENCES

- [1] Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim , al (1968). *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*. al-Madinah : Maktabah al-Salafi.
- [2] Abduh, Muhammad (1980). *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*. Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf
- [3] Abdullah al-Qari hj Saleh (1984). *Kursus Qari dan Qariah*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- [4] al-'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar, al (1414). *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr
- [5] al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (1345). *Sahih al-Bukhari*. Misr : Mustafa al-Babiy al-Halabiy
- [6] al-Dhahabi, Muhammad Bin Ahmad Bin 'Uthman, al (1413). *Siyar A Lam Al-Nubala'*. Beirut : Muassah Al-Risalah
- [7] al-Sa'id Labib (1970). *al-Taghanniy bi al-Quran*. al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi ' wa al-Nasyr
- [8] al-Zamakhsyari, Mahmud Bin 'Umar, al (1979). *al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*. Qahirah : Dar al-fikr
- [9] Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992). *Pengajian Al-Quran Berlagu Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*. (Kertas Projek Ukm)
- [10] Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998). *Qawa'id al-Tarannum*. Kuala Lumpur : Darul Fikr
- [11] Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad (1963). *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*. al-Qahirah:Maktabah Islamiyyah
- [12] Ibn Kathir, Imad Al-Din Ismail Bin Umar (2001). *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah
- [13] Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqiyy al-Misri (1405). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.
- [14] Kahalah, Umar Rida (1414). *Mu'jam Mu'allifin*. Bayrut: Mua'ssasah al-Risalah

- [15] Khalid Isa (2016). *Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Ilmu Taranum al-Quran*. Universiti Malaya, Jurnal albasirah
- [16] Muhammad Lukman Ibrahim (2010). *Tarannum al-Qur'an melalui tariq al-Syatibi : kajian terhadap pengamalannya dalam kalangan qari-qari Kelantan ke majlis tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan Malaysia antara tahun 1990-2005*. Tesis Phd Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- [17] Munawiyi, Abd al-Rauf bin Taj al-'Arifin, al (1356). *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*. Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.

Temubual

Tuan haji Nik Jaafar Nik Ismail, temubual pada 3 ogos 2008

Hajah Setina Ismail, temubual pada 21 ogos 2008

Hj Hasan Musa, temubual pada 26 ogos 2008

Hj Nordin Idris, temubual pada 27 ogos 2008.